

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11/12/2018

Najib bebas dengan jaminan

→ Kes pinda laporan akhir audit 1MDB

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@nstp.com.my

Putrajaya

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam ditahan Suruhan-

jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dibebaskan dengan jaminan agensi itu kira-kira tiga jam kemudian.

Beliau sebelum itu memberi keterangan kali kedua dan disoal siasat di ibu pejabat SPRM, di sini, berhubung isu pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Difahamkan Najib ditahan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 pada jam 10.51 pagi dan dibebaskan jam 1.21 tengah hari.

Pada 6 Disember lalu, Najib hadir

kali pertama ke sini dan meluangkan masa kira-kira empat jam bagi memberi keterangan kepada SPRM berhubung siasatan pindaan laporan berkenaan.

Dakwa arah pindaan

Pada 25 November lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, mendedahkan Najib mengarahkan pindaan dilakukan terhadap Laporan Akhir Pengauditan 1MDB menerusi pengguguran beberapa perenggan.

Antara pengguguran maklumat

BH - 11/12/2018
mf: 24
Najib bersama Rosmah keluar dari pekarangan Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.

termasuk membabitkan kehadiran ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Madinah dilaporkan berkata, antara individu turut terbabit adalah

bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Salleh; bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

